27 AUG 2002
Mahathir-Globalisasi/I
MAHATHIR ULANGI KENYATAAN MALAYSIA BUKAN MENENTANG GLOBALISASI

PENANG, 27 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengulangi kenyataannya bahawa Malaysia bukannya menentang globalisasi kerana globalisasi juga ada baiknya untuk Malaysia.

Perdana Menteri berkata Malaysia hanya membantah interpretasi terhadap globalisasi itu.

"Kita merasakan beberapa aspek globalisasi perlu dikaji dengan teliti," katanya pada jamuan tengah hari yang diadakan sempena sambutan ulangtahun ke-30 industri elektronik di Pulau Pinang di sini.

"Kita mahu melihat syarikat (asing) maju dan negara tuan rumah juga makmur. Kita mahu menamakan ini sebagai satu situasi yang menguntungkan semua pihak, " katanya sambil menegaskan bahawa ketika syarikat tempatan meraih keuntungan, negara tuan rumah akan mendapat faedah dari segi pertumbuhan ekonomi.

Turut hadir ialah Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Ketua Menteri Pulau Pinang Tan Sri Dr Koh Tsu Koon, ketua pegawai eksekutif dan ketua pegawai operasi lapan syarikat perintis teknologi tinggi di negeri ini.

Dr Mahathir berkata dunia perlu mematuhi undang-undang dan peraturan mengenai modal yang bergerak bebas di seluruh dunia.

"Kita merasakan bahawa sebuah pasaran yang betul-betul bebas juga akan membawa keburukan kepada ahli perniagaan...apabila semua perkara terlalu bebas, orang akan hilang perasaan berwaspada," katanya.

Oleh itu, katanya, kerajaan masih relevan dan mempunyai peranan untuk dimainkan.

Perdana Menteri berkata di Malaysia, disebabkan kerajaan mesra perniagaan, negara telah menjadi tempat berlindung bagi pelabur.

"Mereka datang ke sini dan mereka telah melabur di sini dan mereka mendapat keuntungan daripada kehadiran mereka di negara ini, sehinggakan mereka telah membesar dengan pesatnya," katanya.

Malaysia, katanya, turut berterima kasih kepada mereka kerana walaupun mereka telah membuat keuntungan, negara mendapat faedah daripada mereka.

-- BERNAMA

AHM RON